

# Atlet berkumpul kongsi ilmu, persiapkan diri

PAGOH - Penuntut dari Pusat Pengajian Umum Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Pagoh, di sini, dianggap bertuah apabila berpeluang mengadakan kursus jasmani bagi atlet di bawah Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Muar.

Tenaga pengajar, Ismade Niam berkata, Program Kemahiran Asas Olahraga bagi Acara Balapan pelajar Kursus Kokurikulum Olahraga UQS 12001 itu diadakan bersempena Festival Kokurikulum Mahasiswa (Feskom) 2017.

Menurutnya, program itu melibatkan dua kelas iaitu Seksyen 7 dan 9 yang terdiri daripada 60 pelajar.

"Program ini turut melibatkan seramai 20 atlet dari UTHM Pagoh yang mana berperanan untuk mengadakan sesi latihan jasmani kepada 18 atlet MSSD. Sebanyak lapan stesen disediakan bagi tujuan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang turut



Atlet MSSD dan warga UTHM Pagoh dari kelas Kokurikulum Olahraga UQS 12001, Pusat Pengajian Umum Kokurikulum bergambar selepas tamat Program Kemahiran Asas Olahraga yang diadakan di Stadium Edu Hub Pagoh, Muar, baru-baru ini.

merangkumi aktiviti lari pecut 40m, aktiviti back and front throw, jangkauan melunjur dan pelbagai lagi.

"Kesemua aktiviti LDK ini adalah untuk mempersiapkan diri atlet," katanya.

Tambah beliau, program julung kali ini diadakan bertujuan memberikan

pendedahan secara praktikal kepada peserta program yang terdiri daripada penuntut UTHM Pagoh dalam menguruskan sesuatu program dan sebagai agen penggerak masyarakat terhadap kerja-kerja sukarelawan.

"Selain itu, penganjuran program

dengan usaha sama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Muar ini juga bertujuan memperkasakan bakat atlet-atlet MSSD.

"Dan pada masa sama, ia dapat mewujudkan pertalian silaturahim antara peserta program dan atlet-atlet yang hadir," katanya.